

## BAB 4

### DAPATAN KAJIAN

#### 4.1. PENDAHULUAN

Bab ini menjelaskan analisis data-data yang diperolehi daripada borang kaji selidik yang telah diedarkan kepada responden dengan menggunakan perisian *Statistical Packages For Social Science 17.0* (SPSS v 17.0). Data mentah yang diperolehi daripada responden dianalisis dan dibincang dalam bentuk statistik deskriptif yang memperlihatkan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Statistik inferensi adalah untuk Kolerasi Spearman, Ujian-t dan Anova Satu Hala bagi menguji hipotesis-hipotesis kajian ini. Oleh itu pengkaji akan menganalisis dan membincangkan dapatan kajian ini melalui tiga aspek iaitu profil responden, tahap pelaksanaan solat responden dan tahap (pelaksanaan solat) berdasarkan jantina, pendidikan dan sosio ekonomi responden.

#### 4.2. PROFIL RESPONDEN

##### 4.2.1. Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Berdasarkan Jantina

Sampel kajian ini adalah seramai 100 orang responden yang terdiri daripada lelaki dan perempuan. Paparan taburan kekerapan dan peratusan responden berdasarkan jantina dapat ditunjukkan dalam jadual dibawah.

Jadual 4.1. Taburan Responden Mengikut Jantina

Jantina	Kekerapan	Peratus
Lelaki	37	37
Perempuan	63	63
Jumlah	100	100

Sumber: soal selidik

Berdasarkan jadual 4.1 di atas menunjukkan daripada 100 orang responden, didapati bahawa 37 orang iaitu 37 % terdiri daripada lelaki. Manakala 67 orang responden iaitu 63% adalah terdiri daripada perempuan. Maka dapat disimpulkan bahawa keseluruhan sampel yang di ambil, responden perempuan lebih ramai berbanding responden lelaki dengan perbezaan 26 orang.

#### 4.2.2. Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Berdasarkan Umur

Jadual 4.2. Taburan Responden Mengikut Umur

<i>Umur</i>	<i>Kekerapan</i>	<i>Peratus</i>
19 tahun ke bawah	2	2
20 - 29 tahun	24	24
30 - 39 tahun	49	49
40 – 49 tahun	19	19
50 tahun dan ke atas	6	6
Jumlah	100	100

Sumber: soal selidik

Jadual 4.2 di atas menunjukkan daripada 100 orang responden yang hadir bagi sesi rundingcara 49 orang iaitu 49% berusia 30 hingga 39 tahun. Ini merupakan bilangan tertinggi berdasarkan peringkat umur. Diikuti 24 orang 24% dalam lingkungan usia 20 hingga 29 tahun. Manakala 19 orang responden iaitu 19% adalah berusia 40 hingga 49 tahun. 6 orang responden berusia 50 tahun dan ke atas dan 2 orang responden berusia 19 tahun ke bawah. Dapat disimpulkan bahawa keseluruhan sampel yang di ambil, di dapati responden yang berusia 30 hingga 39 tahun mencatatkan bilangan tertinggi hadir untuk sesi rundingcara.

#### 4.2.3. Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Berdasarkan taraf pendidikan tertinggi

Jadual 4.3. Taburan Responden berdasarkan taraf pendidikan tertinggi

<i>Pendidikan</i>	<i>Kekerapan</i>	<i>Peratus</i>
Ijazah Sarjana	2	2
Ijazah Sarjana Muda	20	20
Diploma	18	18
Sijil	1	1
STPM	52	52
SPM/MCE	3	3
SRP/LCE/PMR	4	4
Jumlah	100	100

Sumber: soal selidik

Jadual 4.4 di atas menunjukkan 52(52%) orang daripada 100 orang berkelulusan STPM dan merupakan jumlah tertinggi bagi kategori ini. 20(20%) orang responden memiliki Ijazah Sarjana Muda, 18(18%) orang berkelulusan Diploma. Hanya 2(2%) orang responden berkelulusan Ijazah Sarjana, peringkat Sijil hanya seorang sahaja dan bakinya iaitu 3(3%) orang berkelulusan SPM/MCE dan 4(4%) orang mempunyai SRP/LCE/PMR.

Daripada rajah di atas ini menunjukkan bahawa golongan yang berpendidikan tinggi turut menghadapi permasalahan rumahtangga. Taraf pendidikan peringkat STPM mencatatkan jumlah tertinggi iaitu 52% dan ini agak berbeza jika dilihat kajian yang dilakukan di Unit Undang-Undang Keluarga, Jabatan Agama Islam Selangor<sup>1</sup> yang mencatatkan responden berkelulusan SPM/MCE bilangan tertinggi iaitu 115 orang daripada 300 responden keseluruhannya iaitu 38.3%. Walau bagaimanapun responden yang telah dipilih bagi kajian ini menggunakan persampelan bertujuan. Ini menyebabkan subjek-subjek kajian lain dalam populasi tidak berpeluang untuk dipilih sebagai responden<sup>2</sup>. Sampel begini bukan merupakan sampel rawak dan hasil kajian ini tidak dapat digeneralisasikan kepada seluruh populasi kerana sampel tersebut tidak mewakili semua

<sup>1</sup> Raihanah Azahari,(2007), "Permasalahan Rumahtangga: Kajian di Unit Undang-Undang Keluarga Jabatan Agama Islam Daerah Petaling, Selangor", *Jurnal Syariah*, Bilangan 1, Jilid 15, Jan-Jun 2007 h. 115-128

<sup>2</sup> Chua Yan Piaw, (2006), *Kaedah Penyelidikan*, Buku 1, Malaysia: Mac Graw Hill Education, h. 201

responden dalam populasi tersebut<sup>3</sup>. Keputusan kajian ini hanya mewakili kumpulan subjek kajian penulis sahaja.

#### 4.2.4. Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Berdasarkan Pendidikan.

Bahagian ini telah disediakan soalan berbentuk senarai semak(checklist question) iaitu responden dibenarkan untuk menjawab lebih dari satu jawapan yang telah disediakan. Tujuan soalan jenis ini dikemukakan ialah untuk mendapatkan maklumat sebanyak mungkin daripada responden dengan cara berstruktur.

Jadual 4.4. Taburan Responden Mengikut Pendidikan

<i>Pendidikan</i>	<i>N</i>	<i>Jumlah</i>	<i>Peratus</i>
Kebangsaan	100	73	73%
Pembacaan sendiri	100	25	25%
Kelas agama di kawasan tempat tinggal	100	20	20%
Sekolah agama/arab/pondok	100	18	18%
Individu lain yang bertauliah	100	9	9%

Sumber: soal selidik

Melalui analisis deskriptif, penulis mendapati bahawa kebanyakan responden memperolehi pendidikan agama melalui pendidikan kebangsaan<sup>4</sup> iaitu mencatatkan jumlah tertinggi iaitu seramai 73 orang (73%) diikuti dengan pembacaan sendiri seramai 25 orang (25%), seterusnya pendidikan agama melalui kelas agama di kawasan tempat tinggal seramai 20 orang (20%). Pendidikan agama melalui sekolah agama/arab/pondok seramai 18 orang (18%) dan 9 orang (9%) melalui individu yang bertauliah. Hasil analisis ini mendapati bahawa kebanyakan responden mendapat pendidikan agama melalui pendidikan di peringkat kebangsaan kerana ia telah disediakan oleh pihak kerajaan mulai sekolah rendah

<sup>3</sup> Ibid.

<sup>4</sup> Maksud pendidikan kebangsaan ialah responden yang mendapat didikan agama melauai guru-guru di sekolah rendah dan menengah kebangsaan di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia.

hingga tamat sekolah menengah. Didikan agama yang diperolehi melalui pembacaan sendiri, dari individu yang bertauliah, kelas agama di kawasan tempat tinggal telah mencatatkan peratusan yang rendah iaitu antara 9% hingga 25% sahaja dan ini adalah merupakan usaha individu itu untuk menambahkan ilmu pengetahuan berkaitan agama. Penulis berpendapat jika responden hanya bergantung kepada pendidikan kebangsaan sahaja, ianya berkemungkinan masih belum mencukupi untuk memahami tanggungjawab fardu ain ke atas setiap individu jika tidak di tambah dengan usaha lainnya.

Jadual 4.5: Taburan Responden Mengikut Pendapatan bulanan

<i>Pendapatan</i>	<i>Kekerapan</i>	<i>Peratus</i>
Bawah RM1000	16	16
RM1001-RM3000	53	53
RM3001-RM5000	11	11
RM5001-RM7000	4	4
RM7001 ke atas	1	1
Tiada pendapatan	15	15
Jumlah	100	100

Sumber: soal selidik

Jadual 4.5 ini menunjukkan kadar pendapatan bulanan responden. Kekerapan tertinggi ialah 53(53%) orang berpendapatan antara RM1001-RM3000 sebulan. Kemudian diikuti 16 orang berpendapatan bawah RM1000, 15 orang merupakan suri rumah yang tidak mempunyai pendapatan bulanan.

#### 4.2.5. Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Berdasarkan Tempoh perkahwinan

Jadual 4.6: Tempoh Perkahwinan

<i>Tempoh perkahwinan</i>	<i>Kekerapan</i>	<i>Peratus</i>
Bawah 1 tahun	4	4
1 – 5 tahun	35	35
6 – 10 tahun	22	22

11 – 15 tahun	15	15
16 – 20 tahun	14	14
21 tahun ke atas	10	10
Jumlah	100	100

Sumber: soal selidik

Jadual 4.6 ini menunjukkan tempoh perkahwinan responden yang hadir sesi rundingcara. Kekerapan tertinggi ialah 35 orang (35%) responden berada dalam tempoh 1-5 tahun perkahwinan. Kemudian diikuti 22 orang berada dalam tempoh 6-10 tahun perkahwinan dan 15 orang berada dalam tempoh 11-15 tahun perkahwinan. Ini menunjukkan 1-5 tahun tempoh perkahwinan merupakan satu masa yang sangat memerlukan kesabaran serta berkemahiran untuk mengendalikan rumahtangga agar terus berkekalan. Ini kerana tempoh tersebut adalah suatu masa untuk pasangan bersuai kenal dan memahami peranan masing-masing di dalam institusi rumahtangga<sup>5</sup>.

#### **4.3. ANALISIS TAHAP PELAKSANAAN SOLAT FARDU 5 WAKTU**

Dalam bahagian ini penulis akan membincangkan dapatan analisis kajian mengenai tahap pelaksanaan solat fardu 5 waktu responden. Analisis taburan responden tentang tahap pelaksanaan ibadat solat 5 waktu adalah berdasarkan respon responden melalui item-item dalam bahagian B yang mengandungi 12 item soalan-soalan yang berkaitan didikan awal ibadat solat, pelaksanaan ibadat solat, sebab-sebab tidak melaksanakan solat serta tahap pelaksanaan ibadat ini. Di dalam bahagian ini, soalan aneka pilihan (multiple choice) telah disediakan. Responden dikehendaki menjawab soalan berdasarkan kepada amalan mereka secara jujur di mana tiada jawapan betul dan salah. Soalan senarai semak (checklist

<sup>5</sup> Zawanah Mohammad (2000), "Permasalahan Rumahtangga: Satu Analisa", (Kertas kerja Seminar Pemantapan Keluarga Siri Ke 10, Anjuran Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan dibentangkan pada 25 November 2000), h.4.

question) juga telah disediakan iaitu responden dibenarkan untuk menjawab lebih dari satu jawapan yang telah disediakan.

Di dalam analisis data bahagian B ini, pengkaji tidak dapat menerangkan secara keseluruhan keputusan yang diperolehi. Ini kerana perkaitan antara jawapan yang telah diberikan oleh responden tidak konsisten dan menyebabkan kesukaran dalam menganalisa data yang diperolehi. Soalan yang terlibat ialah di bahagian B, soalan 5, 6 dan 7 iaitu berkaitan dengan waktu solat yang seringkali tidak dapat dilaksanakan, kadangkala tidak dapat dilaksanakan dan kerap dapat dilaksanakan. Jawapan responden yang tidak konsisten ini berkemungkinan soalan yang diajukan itu terlalu peribadi dan juga melihat keadaan responden yang tidak begitu stabil ketika mengisi borang soal selidik kerana menghadapi konflik rumahtangga mereka. Hakikatnya soalan-soalan ini tidak terlibat dalam persoalan kajian dan ia diwujudkan hanya untuk maklumat kepada pengkaji sahaja.

#### 4.3.1 . Taburan Kekerapan Tempat Didikan Awal Ibadat Solat

Jadual 4.7: Tempat Didikan Awal Ibadat Solat

<i>Tempat Didikan Awal Tentang Solat</i>	<i>Kekerapan</i>	<i>Peratus</i>
Tadika	28	28
Sekolah rendah	60	60
Sekolah menengah	6	6
Lain-lain	6	6
Jumlah	100	100

Sumber: soal selidik

Jadual ini menunjukkan bahawa, responden menerima pendidikan awal berkaitan ibadat solat dengan kekerapan yang tertinggi iaitu 60 orang adalah di peringkat sekolah rendah lagi. Jika dilihat silibus pendidikan Islam di peringkat sekolah rendah, sememangnya terdapat pelajaran berkaitan ibadat solat. Namun begitu menerima pendedahan awal

berkaitan sesuatu ibadat itu tidak membawa kepada pelaksanaan yang berterusan kepada seseorang individu muslim.

#### 4.3.2 . Taburan Kekerapan Didikan Awal Ibadat Solat

Jadual 4.8: Didikan Awal Ibadat Solat

<i>Didikan Awal Tentang Solat</i>	<i>Kekerapan</i>	<i>Peratus</i>
Ibu bapa	85	85
Ustaz/ustazah	12	12
Pembacaan sendiri	3	3
Jumlah	100	100

Sumber: soal selidik

Ibu bapa berperanan penting dalam pendidikan anak-anak. Ini terbukti dengan kekerapan yang tertinggi iaitu 85% responden menerima didikan awal berkaitan ibadat solat daripada ibu bapa mereka.

#### 4.3.3. Taburan Kekerapan Mula Melaksanakan Ibadat Solat

Jadual 4.9: Mula Melaksanakan Ibadat Solat

<i>Mula melaksanakan solat</i>	<i>Kekerapan</i>	<i>Peratus</i>
Tadika	13	13
Sekolah rendah	65	65
Sekolah menengah	17	17
Selepas berumur 20 tahun	3	3
Lain-lain	2	2
Jumlah	100	100

Sumber: soal selidik

Jadual ini menunjukkan peringkat sekolah rendah mencatatkan peratusan tertinggi iaitu 65% responden mula melaksanakan solat. Penulis berpendapat, di peringkat sekolah rendah para pelajar sentiasa dibimbing untuk melaksanakan solat fardu secara berjemaah dan ia



adalah diwajibkan. Manakala pada peringkat menengah pelaksanaan solat fardu terletak pada individu berdasarkan kesedaran responden kepada tanggungjawab seorang muslim.

#### 4.3.4. Taburan Kekerapan Tahap Pelaksanaan Solat Fardu 5 Waktu

Jadual 4.10: Tahap Pelaksanaan Solat Fardu 5 Waktu

<i>Tahap Perlaksanaan</i>	<i>Kekerapan</i>	<i>Peratus</i>
Cemerlang	1	1
Baik	35	35
Memuaskan	14	14
Lemah	46	46
Tidak pasti	4	4
Jumlah	100	100

Sumber: soal selidik

Jadual ini menunjukkan tahap pelaksanaan solat lima waktu responden. Jawapan yang diberikan oleh responden adalah di atas pengakuan dan pilihan mereka sendiri. Sebanyak 46% responden mengakui bahawa pelaksanaan solat mereka adalah di tahap yang lemah, 35% pada tahap yang baik serta 14% adalah memuaskan. Ini jelas kepada kita bahawa responden yang hadir untuk sesi rundingcara keluarga ini mengakui bahawa pelaksanaan solat fardu mereka adalah pada tahap lemah. Jadual dibawah ini adalah berkaitan dengan pengakuan jawapan responden ini.

Jadual: 4.11: Solat Boleh Menghindarkan Diri Dari Perbuatan Keji

	N	Minimum	Maksimum	Min	Darjah kebebasan
saya berpendapat solat boleh menghindari seseorang dari perbuatan keji	100	4.00	5.00	4.7100	.45605

Sumber: soal selidik

Jadual ini menunjukkan bahawa responden sangat bersetuju bahawa dengan pelaksanaan solat fardu boleh menghindarkan diri dari perbuatan keji dengan catatan nilai min 4.71 iaitu satu nilai tinggi. Ia berdasarkan skala likert 5 mata iaitu sangat tidak setuju (STS), tidak setuju (TS), kurang setuju (KS), setuju (S), dan sangat setuju(SS). Jawapan ini secara tidak langsung menunjukkan kepada kita bahawa dengan melaksanakan solat secara konsisten itu boleh mengurangkan konflik rumahtangga.

#### 4.3.4. Taburan Kekerapan Sebab Tidak Melaksanakan Solat Fardu 5 Waktu

Jadual: 4.12. Sebab-Sebab Tidak Melaksanakan Solat

<i>Sebab Tidak Melaksanakan Solat</i>	<i>Kekerapan</i>	<i>Peratus</i>
Terlupa	7	7
Sengaja meninggalkan	12	12
Tidak tahu akibat meninggalkannya	5	5
Sibuk dengan urusan harian	38	38
Bangun lewat	34	34
Lain-lain	4	4
JUMLAH	100	100

Sumber: soal selidik

Jadual ini menunjukkan bahawa, faktor sibuk dengan urusan harian mencatatkan peratusan tertinggi iaitu 38%, diikuti faktor bangun lewat 34% dan faktor sengaja meninggalkan 12%. Penulis berpendapat, kurangnya pengetahuan agama boleh menjadi sebab kepada timbulnya faktor sebab-sebab meninggalan solat seperti di atas.

#### **4.4. ANALISIS KATEGORI KONFLIK RUMAH TANGGA RESPONDEN**

Jadual : 4.13 : Kategori Konflik Rumahtangga

	N	Min	Darjah Kebebasan	Tahap
<i>saya menghadapi permasalahan di dalam rumahtangga saya</i>	100	4.4100	.66810	Tinggi
rumahtangga saya masih mempunyai jalan penyelesaian	100	3.2000	1.02494	Sederhana
<i>saya memerlukan khidmat nasihat dari pihak yang dipercayai</i>	100	4.1900	.70632	Tinggi
saya masih sayangkan rumahtangga saya	100	3.6300	1.06983	Sederhana
<i>masalah rumahtangga saya berkaitan masalah tanggungjawab</i>	100	3.6900	.96080	Tinggi
masalah rumahtangga saya berkaitan masalah kewangan/nafkah	100	3.4700	1.10513	Sederhana
<i>masalah rumahtangga saya berkaitan masalah komunikasi</i>	100	3.7400	1.11573	Tinggi
masalah rumahtangga saya berkaitan masalah sosial/moral	100	3.2800	1.12887	Sederhana
masalah rumahtangga saya berkaitan masalah seksual/kesihatan	100	3.0100	1.02981	Sederhana
masalah rumahtangga saya berkaitan masalah penderaan/psikologi	100	3.0600	1.28566	Sederhana
masalah rumahtangga saya berkaitan masalah campurtangan pihak ketiga	100	3.4000	1.20605	Sederhana
penyelesaian rumahtangga saya adalah dengan perceraian	100	2.8700	1.32310	Sederhana
<i>pengabaian solat boleh menyumbang kepada permasalahan dalam rumahtangga</i>	100	4.3200	.78983	Tinggi

Sumber : soal selidik

Markah skor berdasarkan nilai min diinterpretasi berdasarkan skala dalam jadual<sup>6</sup> 4.11

berikut :

Jadual 4.14: Interpretasi Skor Min

<sup>6</sup> Azizi yahaya, et. al (2007) Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan, KL: PTS Professional Publishing Sdn Bhd, h.29. Lihat juga Masni Khamis (2001).Gaya Pembelajaran Dan Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik, Projek Penyelidikan, h. 56, Bangi: UKM

<i>Interpretasi Skor Min (Tahap)</i>	<i>Skor Min</i>
Tinggi	3.67 hingga 5.00
Sederhana	2.34 hingga 3.66
Rendah	1 hingga 2.33

Berdasarkan jadual di atas, di dapati daripada 100 orang responden dalam kajian ini majoritinya mengakui menghadapi permasalahan rumahtangga dengan nilai min pada tahap yang tinggi iaitu 4.41. Mereka mengakui sangat memerlukan khidmat nasihat daripada pihak yang dipercayai iaitu dengan nilai min 4.19. Penulis juga mendapati antara permasalahan rumah tangga yang mempunyai nilai tahap yang tinggi ialah masalah komunikasi iaitu 3.74 dan masalah tanggungjawab iaitu 3.69. Permasalahan lain seperti masalah nafkah, moral, seksual, psikologi dan campurtangan pihak ketiga berada pada tahap sederhana iaitu antara nilai min 3.01 hingga 3.47. Responden turut mengakui bahawa pengabaian solat boleh menyumbang kepada permasalahan rumahtangga iaitu dengan nilai min 4.32. Pengakuan ini secara umumnya boleh difahami bahawa jika terabainya pelaksanaan solat maka ia boleh membawa kepada lahirnya konflik rumahtangga.

#### **4.5. ANALISIS INFERENSI**

Bahagian ini memaparkan dan membincangkan keputusan dari ujian-ujian yang telah dianalisis bagi mengetahui hipotesis-hipotesis yang dikaji sama ada diterima atau ditolak. Dapatan kajian ini juga adalah bagi menjawab setiap persoalan kajian yang akan diperjelas melalui keterangan berikut:

##### **4.5.1. Perbezaan Pelaksanaan Solat Mengikut Jantina**

Ujian t digunakan untuk melihat sama ada terdapat perbezaan yang signifikan pelaksanaan solat dikalangan responden yang berlainan jantina. Jadual di bawah menunjukkan dapatan ujian t di mana  $t(98) = -0.48$ ,  $p = 0.6$  ( $p > 0.05$ ). ini bermakna tidak terdapat perbezaan pelaksanaan solat yang signifikan berdasarkan jantina iaitu skor min pelaksanaan solat antara responden lelaki dan wanita adalah sama. Oleh itu pelaksanaan solat antara responden lelaki dan wanita adalah tidak berbeza kerana nisbah skor min antara kedua jantina ini adalah sangat kecil iaitu  $= 0.1$ . Oleh itu hipotesis nul diterima.

Jadual 4.15: Analisis Ujian T Pelaksanaan Solat Berdasarkan Jantina

<i>Jantina</i>	<i>n</i>	<i>Min</i>	<i>Dk</i>	<i>Nilai-t</i>	<i>Sig (2-tailed)</i>
<b>Lelaki</b>	37	3.11	1.02	-0.48	0.6
<b>Perempuan</b>	63	3.21	0.99		

$p > 0.05$  (tidak signifikan pada aras 95%) dk=darjah kebebasan

Sumber: soal selidik

#### 4.5.2. Perbezaan Pelaksanaan Solat Mengikut Taraf Pendidikan

Ujian Anova sehalu digunakan untuk melihat sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara pelaksanaan solat berdasarkan taraf pendidikan. Dapatan analisis menunjukkan nilai  $F_{94,95} = 29.85$ , dan  $p = 0.006$  ( $p > \alpha = 0.05$ ). Keputusan analisis ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan pelaksanaan solat berdasarkan taraf pendidikan. Dengan kata lain semakin tinggi taraf pendidikan responden akan semakin tinggi juga tahap pelaksanaan solat mereka. Ini menunjukkan bahawa kepentingan ilmu dan pengetahuan bagi seseorang muslim akan mempengaruhi pelaksanaan ibadat solat mereka. Oleh itu hipotesis nul adalah ditolak.

Jadua 4.16 : Analisis Ujian Anova Sehalu Perlaksanaan Solat Berdasarkan Taraf Pendidikan

<i>Punca Varian</i>	<i>Jkd</i>	<i>Dk</i>	<i>Mkd</i>	<i>F</i>	<i>Sig</i>
Antara Kumpulan	29.851	4	7.463	3.816	0.006
Dalam Kumpulan	185.789	95	1.956		

Jumlah	215.640	99
--------	---------	----

$p > 0.05$

jkd = jumlah Kuasa Dua

dk = Darjah Kebebasan

mkd = Min Kuasa Dua

Sumber: soal selidik

#### 4.5.3. Perbezaan Pelaksanaan Solat Mengikut Pendapatan Bulanan

Ujian Anova sehala digunakan juga untuk melihat sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara pelaksanaan solat berdasarkan pendapatan bulanan. Dapatan analisis menunjukkan nilai  $F(4,95) = 17.497$ , dan  $p = 0.135$  ( $p > \alpha = 0.05$ ). Keputusan analisis ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan pelaksanaan solat berdasarkan pendapatan bulanan. Ini bermakna pendapatan bulanan sama ada tinggi atau rendah tidak mempengaruhi pelaksanaan solat responden. Oleh itu hipotesis nul adalah diterima.

Jadual 4.13: Ringkasan Anova Sehala Uji Perlaksanaan Solat Berdasarkan Pendapatan Bulanan

<i>Punca Varian</i>	<i>Jkd</i>	<i>Dk</i>	<i>Mkd</i>	<i>F</i>	<i>Sig</i>
Antara Kumpulan	17.497	4	4.374	1.799	0.135
Dalam Kumpulan	230.943	95	2.431		
Jumlah	248.440	99			

$p > 0.05$

jkd = jumlah Kuasa Dua

dk = Darjah Kebebasan

mkd = Min Kuasa Dua

Sumber: soal selidik

#### 4.5.4. Hubungan Antara Tahap Pelaksanaan Solat Dan Konflik Rumahtangga

Keputusan pekali kolerasi Spearman menunjukkan bahawa  $r = -.062$  dan  $p = .539$ . Ini bermakna tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pelaksanaan solat dan konflik rumahtangga. Namun begitu, jika dilihat pada nilai  $r = -.62$ , ia merupakan satu nilai negatif. Ini boleh difahami dan membawa maksud bahawa, lemahnya tahap pelaksanaan

solat itu boleh membuka ruang kepada lebih tingginya konflik rumahtangga walaupun ianya satu nilai yang sedikit. Jika dilihat kepada nilai  $p > .05 = .539$  telah membuktikan bahawa tidak ada hubungan yang signifikan antara tahap pelaksanaan solat dan konflik rumahtangga responden. Namun nilai negatif yang telah dinyatakan tadi boleh memberikan maksud wujudnya kaitan walaupun sedikit hubungan antara pelaksanaan solat dan konflik rumahtangga. Faktor ini mungkin disebabkan jumlah responden yang tidak begitu ramai iaitu 100 orang sahaja. Di samping jawapan responden yang tidak konsisten serta persoalan berkaitan pelaksanaan solat ini merupakan persoalan yang agak peribadi dan sensitif, menyebabkan sukar mendapat jawapan yang tepat daripada responden.

#### **4.6. KESIMPULAN**

Berdasarkan analisis yang telah dijalankan oleh penulis dan hasil dapatan yang diperolehi menunjukkan pelaksanaan solat di kalangan responden adalah pada tahap lemah iaitu 46%. Bagi kategori konflik rumahtangga pula, masalah komunikasi mempunyai tahap yang tinggi iaitu 3.74 diikuti masalah tanggungjawab iaitu 3.69. Permasalahan lain seperti masalah nafkah, moral, seksual, psikologi dan campurtangan pihak ketiga berada pada tahap sederhana iaitu antara nilai min 3.01 hingga 3.47. Responden turut mengakui bahawa pengabaian solat boleh menyumbang kepada permasalahan rumahtangga iaitu dengan nilai min 4.32. Pengakuan ini secara umumnya boleh difahami bahawa jika terabainya pelaksanaan solat maka ia boleh membawa kepada lahirnya konflik rumahtangga.

Analisis ini mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam pelaksanaan solat berdasarkan aspek berlainan jantina dan pendapatan. Walau bagaimanapun terdapat perbezaan yang signifikan dalam pelaksanaan solat berdasarkan taraf pendidikan. Ini menunjukkan faktor jantina dan faktor pendapatan ini tidak mempengaruhi pelaksanaan

solat kecuali faktor pendidikan yang memberi kesan kepada perbezaan dalam pelaksanaan solat responden.

Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pelaksanaan solat dan konflik rumahtangga. Namun begitu, jika dilihat pada nilai  $r = -.62$ , ia merupakan satu nilai negatif. Ini boleh difahami dan membawa maksud bahawa, lemahnya tahap pelaksanaan solat itu boleh membuka ruang kepada lebih tingginya konflik rumahtangga walaupun ianya satu nilai yang sedikit. Kajian akan datang perlu diteruskan dengan menambah lagi bilangan responden bagi melihat secara saintifik hubungan antara tahap pelaksanaan solat dan konflik rumah tangga masyarakat muslim di Malaysia.

Jadual 4.18: Kesimpulan Dapatan Inferensi

<i>Hipotesis Nul</i>	<i>Huraian Hipotesis</i>	<i>Keputusan</i>
Ho1	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina di dalam pelaksanaan solat	Diterima
Ho2	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan responden berdasarkan latar belakang pendidikan di dalam pelaksanaan solat.	Ditolak
Ho3	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di dalam pelaksanaan solat berdasarkan faktor sosio ekonomi iaitu pendapatan bulanan.	Diterima
Ho4	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pelaksanaan solat dan konflik rumahtangga	Diterima